

677 penuntut pascasiswazah UMS mendaftar

UM 10.9.2014 26

KOTA KINABALU 9 Sept. - Sebanyak 677 orang penuntut pascasiswazah mendaftar bagi sesi akademik 2014/2015 di kampus induk Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini.

Timbalan Pendaftar Pusat Pengajian Pascasiswazah (PPPS) UMS, Aidah Nordin berkata, jumlah tersebut merangkumi 10 orang penuntut antarabangsa dari Brunei, China, Indonesia, Oman, Pakistan, Filipina dan Arab Saudi.

Menurutnya, sempena pendaftaran tersebut, PPPS turut mengadakan taklimat universiti dan kursus metodologi secara penyelidikan kepada penuntut berkenaan.

"Kursus itu wajib diikuti dan merupakan salah satu keperluan untuk dianugerahkan kelulusan peringkat ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah (PhD)," katanya di sini baru-baru ini.

Aidah memberitahu, UMS melalui Bahagian Keselamatan, Jabatan Pendaftar serta Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi juga memperkenalkan sistem e-Sticker yang membolehkan permohonan pelekat kenderaan dilakukan secara dalam talian.

"Kelebihan sistem ini adalah memudahkan pergerakan penuntut di dalam kampus semasa pendaftaran



SALAH seorang daripada 677 penuntut pascasiswazah mendaftar bagi sesi akademik 2014/2015 di kampus induk Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

berbanding sebelumnya kerana pelekat telah digunakan tanpa perlu menunggu tempoh seminggu seperti tahun-tahun sebelumnya.

"Ini terbukti apabila semasa hari pendaftaran tersebut, kira-kira 245 keping pelekat kenderaan telah dikeluarkan," jelasnya.

Tambahnya, PPPS berbangga kerana dapat membantu penuntut memperjuangkan budaya pembelajaran sepanjang hayat tanpa mengira peringkat

umur dan pangkat ke arah meningkatkan ilmu pendidikan dan seterusnya menjadikan universiti ini sebagai pusat kecemerlangan akademik bertaraf dunia.

"Pihak PPPS merakamkan jutaan terima kasih kepada para ibu bapa, keluarga, individu dan organisasi yang memberi bantuan dan sokongan padu kepada penuntut ini dalam melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi di UMS," katanya.